

27/02/1998

Pendapat Minda Pengarang disokong

Zed

PADA pendapat saya, meningkatnya jumlah kemalangan dan kematian pada musim perayaan berkembar lalu kerana kecuaiian polis mengawal keadaan.

Ops Statik tidak mungkin dapat menstatikkan jumlah kemalangan dan kematian di jalan raya mahupun mengurangkannya kerana bilangan kenderaan pada tahun ini turut meningkat.

Dengan itu jumlah kemalangan dan kematian juga meningkat. Itu kenyataan pertama yang perlu kita terima secara logik.

Keduanya, sikap pemandu di negara ini sememangnya kita sedia maklum. Mereka bukan saja berani, malah ada setengahnya sombong, suka bermegah dengan kenderaan baru lantas tidak menghiraukan keselamatan diri serta orang lain.

Pendek kata pemandu atau pengguna jalan raya di Malaysia sememangnya tidak berdisiplin.

Contohnya penunggang motosikal. Seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mereka menunggang motosikal seperti `cuba membunuh diri'.

Kenapa kita perlu mengasihani mereka. Saya sendiri apabila bertembung penunggang seperti itu, lantas berharap semoga mereka `ditimpa' sesuatu sama ada di tahan polis atau kemalangan.

Saya bersimpati dengan kerajaan terutama polis yang terpaksa mengorbankan cuti hanya untuk memastikan pengguna mematuhi peraturan jalan raya.

Paling menyedihkan apabila angka kemalangan dan kematian meningkat, kecekapan pihak polis pula dipersoalkan.

Kini ada saranan baru pula iaitu memasang kamera litar tertutup di jalan raya. Kenapa menteri berkenaan memberi saranan sedemikian pada saat negara menghadapi kegawatan ekonomi.

Saya amat bersetuju dengan pendapat Minda Pengarang akhbar ini baru-baru ini mengenai hukuman yang lebih berat harus dikenakan ke atas mereka yang bersalah tanpa mengira bulu dan tanpa belas kasihan. Mungkin hukuman dalam bentuk melakukan kerja sosial lebih baik daripada hukuman penjara atau membayar sejumlah wang sebagai denda.